ACCU-CHEK® Instant S

Roche

PANDUAN PENGGUNA

METER GLUKOSA DARAH

This file may not print or view at 100%.
Die lines and color breaks do not print.
“Holding Area” text, box and rules do not print.

Roche USA – 83881
V1/1 – 07947569061A – Black

PMS-MANUAL FOLD OUT

Approved according to SHR_SOP 04.07.08_Att A **Category 2**

The Signature will not be printed!

LAN	holeckos - Aug 12, 2021
IPM	emrichs - Aug 24, 2021
PM/LAB	smithk44 - Aug 13, 2021
GD/LAY	brownind - Aug 24, 2021

Kandungan

Pengenalan..... 2

Bab 1: Sistem Baharu Anda 5

Bab 2: Ujian Glukosa Darah.....9

Bab 3: Ujian Kawalan.....15

Bab 4: Semak Semula Data Anda.....19

Bab 5: Menyambung kepada PC 21

Bab 6: Penyelenggaraan Meter dan Pencarisilapan 22

Bab 7: Maklumat Teknikal.....29

Bab 8: Jaminan 34

Indeks 35

_07947569061A.indd 1 8/10/2021 12:41:43 PM

Pengenalan

Panduan Pengguna ini mengandungi amaran, langkah keselamatan dan nota:

⚠ AMARAN	⚠ LANGKAH KESELAMATAN	NOTA
AMARAN bermaksud bahaya serius yang boleh diramalkan.	**LANGKAH KESELAMATAN** menerangkan langkah yang harus anda lakukan untuk menggunakan produk dengan selamat dan berkesan atau untuk mengelakkan kerosakan pada produk.	**NOTA** menarik perhatian anda kepada maklumat penting untuk membantu anda memanfaatkan sepenuhnya penggunaan produk ini.

Sistem Accu-Chek Instant S

Meter Accu-Chek Instant S dengan jalur ujian Accu-Chek Instant adalah bertujuan untuk mengukur glukosa secara kuantitatif dalam darah penuh kapilari yang segar dari hujung jari, tapak tangan, lengan bawah dan lengan atas sebagai bantuan dalam memantau keberkesanan kawalan glukosa.

Meter Accu-Chek Instant S dengan jalur ujian Accu-Chek Instant bertujuan untuk pengujian sendiri diagnostik in vitro oleh pesakit diabetes.

Meter Accu-Chek Instant S dengan jalur ujian Accu-Chek Instant adalah bertujuan untuk pengujian pesakit diagnostik in vitro yang dilakukan oleh pakar kesihatan dalam persekitaran klinik. Pengujian darah vena, darah arteri, dan darah bayi baru lahir dihadkan kepada penggunaan pakar kesihatan.

Sistem ini bukan untuk mendiagnosis diabetes melitus atau untuk menguji sampel darah tali pusat bayi baru lahir.

Sistem ini termasuk:

Meter Accu-Chek Instant S dengan bateri, jalur ujian Accu-Chek Instant* dan larutan kawalan Accu-Chek Instant*.

*Beberapa barangan mungkin tidak termasuk dalam kit. Barangan tersebut adalah pembelian berasingan.

_07947569061A.indd 2 8/10/2021 12:41:43 PM

⚠ AMARAN

Risiko lemas
Produk ini mengandungi bahagian-bahagian kecil yang boleh tertelan. Simpan bahagian kecil jauh daripada kanak-kanak dan orang yang boleh tertelan bahagian kecil ini.

Risiko kecederaan yang mengancam nyawa

- Jauhkan bateri baharu dan terpakai daripada kanak-kanak. Pengingesan atau pemasukan ke dalam badan boleh menyebabkan lecur kimia, penembusan tisu lembut dan kematian. Lecur yang teruk boleh berlaku dalam tempoh 2 jam selepas tertelan. Jika anda merasakan bateri mungkin telah ditelan atau diletakkan di dalam mana-mana bahagian badan, dapatkan rawatan perubatan secepat mungkin.
- Jika tempat bateri tidak ditutup dengan betul, berhenti menggunakan produk dan jauhkan daripada kanak-kanak. Hubungi Roche.

⚠ AMARAN

Risiko jangkitan
Mana-mana objek yang terkena darah manusia berpotensi menjadi sumber jangkitan (lihat: Clinical and Laboratory Standards Institute: Protection of Laboratory Workers from Occupationally Acquired Infections; Approved Guideline – Fourth Edition; CLSI document M29-A4, May 2014). Pakar Kesihatan: lihat juga bahagian Maklumat untuk Pakar Kesihatan dalam bab Maklumat Teknikal.

Risiko berlakunya keadaan kesihatan yang serius
Kegagalan mematuhi arahan pengujian atau penyimpanan dan arahan pengendalian jalur ujian boleh menyebabkan keputusan ujian yang silap dan rawatan yang tidak betul. Baca dan ikut arahan dalam Panduan Pengguna dan sisip bungkusan untuk menggunakan jalur ujian dan larutan kawalan dengan teliti.

_07947569061A.indd 3 8/10/2021 12:41:44 PM

Pengenalan

Maklumat Penting Mengenai Meter Baharu Anda

- Anda amat disarankan mempunyai kaedah pengujian sokongan. Kegagalan untuk melakukan ujian boleh menyebabkan kelewatan membuat keputusan terapi dan membawa kepada keadaan perubatan yang serius. Contoh kaedah pengujian sokongan termasuk meter dan jalur ujian sokongan. Tanya pakar kesihatan anda atau ahli farmasi tentang kaedah sokongan lain yang boleh dipertimbangkan.
- Skrin data contoh ditunjukkan dalam keseluruhan panduan pengguna. Data anda akan berbeza.

Melaporkan Kejadian Serius

Untuk pesakit/pengguna/pihak ketiga yang berada di Kesatuan Eropah dan di negara yang mempunyai rejim kawal atur yang serupa; jika semasa penggunaan alat ini atau akibat daripada penggunaan alat ini berlaku kejadian yang serius, sila laporkan kejadian tersebut kepada pengeluar dan pihak berkuasa di negara anda.

_07947569061A.indd 4 8/10/2021 12:41:44 PM

1 Sistem Baharu Anda

Meter Accu-Chek Instant S



Pandangan Sisi Kanan | Pandangan Hadapan | Pandangan Sisi Kiri

1. **Butang Meter**
   Tekan untuk menghidupkan dan mematikan meter, beralih ke skrin seterusnya atau membuat pilihan.

2. **Paparan**
   Menunjukkan hasil pengukuran, mesej dan keputusan ujian yang disimpan dalam memori.

3. **Penanda julat sasaran**
   Menandakan sama ada keputusan glukosa darah anda berada di atas, dalam atau di bawah julat nilai yang dipratetapkan.

4. **Port USB mikro**
   Memindahkan data daripada meter kepada komputer (PC).

_07947569061A.indd 5 8/10/2021 12:41:45 PM

1 Sistem Baharu Anda

Pandangan Sisi Belakang

Pandangan Bawah

5. Penutup tempat bateri
Buka untuk menukar bateri.

6. Slot jalur ujian
Masukkan jalur ujian di sini.

7. Bekas jalur ujian*
(sebagai contoh)

8. Jalur ujian - Hujung besi
Masukkan hujung ini ke dalam meter.

9. Jalur ujian - Hujung kuning
Sentuhkan titisan darah atau larutan kawalan di sini.

10. Botol dengan larutan kawalan*

11. Bateri

*Beberapa barangan mungkin tidak termasuk dalam kit. Barangan tersebut adalah pembelian berasingan.

_07947569061A.indd 6 8/10/2021 12:41:48 PM

Menggunakan Butang Meter

Meter baharu anda kini hanya mempunyai satu butang tetapi ia boleh melakukan banyak tindakan. Tekan butang meter sekali untuk menghidupkan meter dan melihat keputusan glukosa darah anda yang paling terkini. Tekan lagi sekali untuk melihat purata glukosa dalam darah 7, 30 dan 90 hari anda.

Apabila diarahkan untuk menekan butang meter, tekannya sekali dengan cepat dan lepaskannya.

Apabila diarahkan untuk tekan dan **tahan** butang meter, tekan dan tahannya selama 3 saat atau lebih.

Masa dan Tarikh

Untuk memaparkan atau mengubah masa dan tarikh pada meter, sambungkan ke PC menggunakan perisian pengurusan diabetes yang terpasang. Ikuti arahan perisian pengurusan diabetes untuk menetapkan masa dan tarikh. Paparan meter kemudiannya akan menunjukkan masa dan tarikh bersama dengan nilai pengukuran anda.

Julat Sasaran Glukosa Darah

NOTA

Penanda julat sasaran bukan pengganti kepada latihan hipoglisemia oleh pakar kesihatan anda.

Rujuk pakar kesihatan anda untuk julat glukosa darah bersesuaian dengan anda. Julat glukosa darah perlu berada dalam lingkungan julat sasaran anda.

Julat sasaran glukosa darah ditetapkan lalai pada 70–180 mg/dL (3.9–10.0 mmol/L). Julat sasaran glukosa darah boleh ditetapkan daripada had lebih rendah 60–140 mg/dL (3.3–7.8 mmol/L) kepada had lebih tinggi 90–300 mg/dL (5.0–16.6 mmol/L).

Untuk mengubah julat sasaran glukosa darah, sambungkan meter dengan PC menggunakan perisian pengurusan diabetes yang terpasang. Kemudian ikuti arahan perisian pengurusan diabetes.

_07947569061A.indd 7 8/10/2021 12:41:48 PM

1 Sistem Baharu Anda

Simbol

Simbol	Deskripsi
	Simbol keputusan ujian terakhir. Ini menandakan bahawa anda sedang melihat keputusan glukosa darah terakhir anda.
7 day ave	Simbol nilai purata 7 hari. Ini menandakan bahawa anda sedang melihat nilai purata keputusan glukosa darah 7 hari anda.
30 day ave	Simbol nilai purata 30 hari. Ini menandakan bahawa anda sedang melihat nilai purata keputusan glukosa darah 30 hari anda.
90 day ave	Simbol nilai purata 90 hari. Ini menandakan bahawa anda sedang melihat nilai purata keputusan glukosa darah 90 hari anda.
C	Simbol botol kawalan
	Simbol titisan
	Simbol jam pasir
	Simbol bateri rendah
- - -	Tiada data untuk dipaparkan
	Anak panah penanda julat sasaran. Apabila berkelip, keputusan glukosa darah adalah di luar julat sasaran glukosa darah.
	Simbol amaran suhu

_07947569061A.indd 8 8/10/2021 12:41:55 PM

⚠ AMARAN

Risiko berlakunya keadaan kesihatan yang serius
Menggunakan unit pengukuran yang salah boleh mengakibatkan salah interpretasi paras glukosa dalam darah sebenar anda dan boleh mengakibatkan terapi yang tidak sepatutnya. Keputusan glukosa darah boleh dipaparkan sama ada dalam mg/dL atau mmol/L. Label di belakang meter menunjukkan unit pengukuran. Jika meter menunjukkan unit yang salah, hubungi Roche. Jika anda tidak tahu unit pengukuran yang betul untuk anda, hubungi pakar kesihatan anda.

mg/dL atau mmol/L tercetak di sini

Menggunakan Sistem Accu-Chek Instant S

⚠ AMARAN

Risiko berlakunya keadaan kesihatan yang serius

- Jika anda menjatuhkan meter dengan keadaan jalur ujian berada di dalam meter, meter dan/atau jalur ujian itu mungkin rosak. Buangkan jalur ujian dan lakukan ujian kawalan dengan larutan kawalan serta jalur ujian yang baharu dan belum digunakan untuk memastikan meter serta jalur ujian berfungsi dengan betul. Ulang ujian glukosa darah dengan jalur ujian baharu.
- Jalur ujian yang tidak disimpan atau digunakan dengan betul boleh menyebabkan keputusan ujian yang tidak tepat.
- Jangan simpan jalur ujian dalam kawasan tinggi haba dan kelembapan (bilik air atau dapur)! Haba dan kelembapan boleh merosakkan jalur ujian.

- Gunakan jalur ujian Accu-Chek Instant sahaja.
- Gunakan jalur ujian serta-merta selepas ia dikeluarkan dari bekas jalur ujian.
- Jangan titiskan darah atau larutan kawalan kepada jalur ujian sebelum memasukkannya ke dalam meter.
- Tutup rapat bekas jalur ujian sejurus selepas mengeluarkan jalur ujian untuk melindungi jalur ujian daripada kelembapan udara.

_07947569061A.indd 9 8/10/2021 12:41:55 PM

2 Ujian Glukosa Darah

- Simpan jalur ujian yang tidak digunakan dalam bekas jalur ujian asal dengan tudung ditutup.
- Periksa tarikh tamat tempoh simpanan pada bekas jalur ujian. Jangan gunakan jalur ujian selepas tarikh tersebut.
- Simpan bekas jalur ujian dan meter dalam tempat yang sejuk dan kering seperti bilik tidur.
- Rujuk sisip bungkusan jalur ujian untuk syarat penyimpanan jalur ujian dan keadaan pengendalian sistem.

Menjalankan Ujian Glukosa Darah dengan Darah daripada Hujung Jari Anda

NOTA

- Anda memerlukan meter, jalur ujian alat pencucuk berserta jarum yang dimasukkan bagi menjalankan ujian glukosa darah.
- Ujian glukosa darah tidak boleh dijalankan sementara meter bersambung ke PC dengan kabel USB.

1

Basuh tangan anda dengan air sabun suam dan keringkan betul-betul.

Sediakan alat pencucuk.

2

Periksa tarikh tamat tempoh simpanan pada bekas jalur ujian.

Jangan gunakan jalur ujian yang melepasi tarikh tamat tempoh simpanan.

3

Keluarkan satu jalur ujian dari bekas jalur ujian.

Tutup tudung dengan ketat.

4

Masukkan hujung besi jalur ujian ke dalam meter. Meter akan hidup.

5



Apabila simbol titisan yang berkelip muncul, lakukan cucukan jari dengan alat pencucuk.

6



Picit perlahan-lahan jari anda untuk membantu aliran darah. Ini membantu anda mendapatkan titisan darah.

_07947569061A.indd 10 8/10/2021 12:41:59 PM

2 Ujian Glukosa Darah

7

Sentuhkan **hujung kuning** jalur ujian kepada titisan darah.

Jangan letakkan darah pada bahagian atas jalur ujian.

8

Alihkan jari anda daripada jalur ujian apabila simbol jam pasir yang berkelip muncul.

9

atau

Biru
Keputusan ujian di atas julat sasaran glukosa darah.

Hijau
Keputusan ujian dalam julat sasaran glukosa darah.

Merah
Keputusan ujian di bawah julat sasaran glukosa darah.

Keputusan glukosa darah anda muncul dengan anak panah. Anak panah ini menunjukkan sama ada keputusan ujian anda berada di atas, dalam atau di bawah julat sasaran glukosa darah.* Julat sasaran glukosa darah diwakili oleh kawasan hijau dalam penanda julat sasaran. Anak panah akan berkelip jika keputusan ujian anda berada di atas atau di bawah julat ini.

Alih keluar dan buang jalur ujian yang telah digunakan.

*Julat sasaran glukosa darah ditetapkan lalai pada 70–180 mg/dL (3.9–10.0 mmol/L). Untuk mengubah julat sasaran glukosa darah, sambungkan meter dengan PC menggunakan perisian pengurusan diabetes yang terpasang. Rujuk pakar kesihatan anda sebelum mengubah julat sasaran.

_07947569061A.indd 11 8/10/2021 12:42:02 PM

NOTA

Apabila melakukan **ujian glukosa darah**: Jika simbol botol kawalan dan L1 atau L2 berkelip pada paparan dengan keputusan glukosa darah, ralat telah berlaku.

- Jangan bertindak berdasarkan keputusan glukosa darah tersebut.
- Buang jalur ujian dan ulang ujian glukosa darah dengan jalur ujian baharu.

Menjalankan Ujian Glukosa Darah dengan Darah daripada Tapak tangan, Lengan bawah atau Lengan atas anda (Ujian dari Tempat Cucukan yang Lain, AST)

⚠ AMARAN

Risiko berlakunya keadaan kesihatan yang serius
Paras glukosa dalam darah anda berubah cepat pada hujung jari dan tapak tangan anda berbanding lengan bawah dan lengan atas. Jika ujian glukosa darah dilakukan dengan darah yang diambil daripada lengan bawah atau atas, ini boleh menyebabkan anda tersilap tafsir paras glukosa dalam darah sebenar anda, lalu menyebabkan terapi yang tidak betul.

- Jangan gunakan ujian dari tempat cucukan yang lain (AST) untuk menentukur sistem pemantauan glukosa berterusan.
- Jangan gunakan ujian dari tempat cucukan yang lain untuk membuat pengiraan dos insulin.
- Ujian dari tempat cucukan yang lain seharusnya dilakukan pada keadaan lebih stabil sahaja (apabila glukosa tidak berubah dengan cepat).

Anda mempunyai pilihan pengambilan sampel darah daripada bahagian lain pada tubuh selain daripada hujung jari. Tempat cucukan yang lain termasuk tapak tangan, lengan bawah atau lengan atas.

Darah yang diambil daripada hujung jari dan tapak tangan boleh digunakan pada bila-bila masa untuk menjalankan ujian glukosa darah.

Jika darah daripada lengan bawah atau lengan atas digunakan, terdapat masa-masa tertentu apabila pengukuran tidak sesuai. Baca bahagian seterusnya sebelum anda cuba menguji daripada lengan bawah atau lengan atas.

Anda boleh melakukan ujian lengan bawah atau lengan atas	• sejurus sebelum makan. • semasa berpuasa.

_07947569061A.indd 12 8/10/2021 12:42:02 PM

Anda TIDAK boleh melakukan ujian lengan bawah atau lengan atas	• sehingga 2 jam selepas makan, apabila nilai glukosa dalam darah boleh meningkat dengan cepat. • selepas menyuntik insulin bolus, apabila nilai glukosa dalam darah boleh menurun dengan cepat. • selepas bersenam. • jika anda sakit. • jika anda rasa glukosa darah anda rendah (hipoglisemia). • jika kadang-kadang anda tidak sedar apabila glukosa darah anda rendah.

Jika anda berminat dalam AST, bincang dengan pakar kesihatan anda dahulu.

Untuk mendapatkan penutup AST dan arahan AST terperinci, hubungi Roche.

Keputusan Glukosa Darah Luar Biasa

⚠ LANGKAH KESELAMATAN

Risiko berlakunya keadaan kesihatan yang serius
Jika keputusan glukosa darah anda tidak sepadan dengan apa yang anda rasa, semak senarai berikutnya untuk membantu anda menyelesaikan masalah tersebut.

Semakan Pencarisilapan	Tindakan
Sudahkah anda membasuh tangan?	Basuh tangan anda dengan air sabun suam dan keringkan betul-betul. Ulang ujian glukosa darah dengan jalur ujian baharu.
Adakah jalur ujian telah tamat tempoh?	Buang jalur ujian jika ia telah melepasi tarikh tamat tempoh simpanan. Ulang ujian glukosa darah dengan jalur ujian yang belum tamat tempoh.
Adakah tudung pada bekas jalur ujian sentiasa ditutup rapat?	Gantikan jalur ujian jika anda fikir bekas jalur ujian tidak ditutup untuk suatu tempoh. Ulang ujian glukosa darah.
Adakah jalur ujian digunakan serta-merta selepas ia dikeluarkan dari bekas jalur ujian?	Ulang ujian glukosa darah dengan jalur ujian baharu.

_07947569061A.indd 13 8/10/2021 12:42:02 PM

Semakan Pencarisilapan	Tindakan
Adakah jalur ujian disimpan di tempat yang sejuk dan kering?	Ulang ujian glukosa darah dengan jalur ujian yang disimpan dengan betul.
Adakah anda mengikuti arahan?	Baca bab Ujian Glukosa Darah dan ulang ujian glukosa darah. Hubungi Roche jika anda masih menghadapi masalah.
Adakah meter dan jalur ujian berfungsi dengan betul?	Jalankan ujian kawalan. Lihat bab Ujian Kawalan untuk arahan.
Adakah anda masih kurang pasti apakah masalahnya?	Hubungi Roche.

Simptom Glukosa Darah Rendah atau Tinggi

⚠ AMARAN

Risiko hipoglisemia
Mengetahui simptom glukosa darah rendah atau tinggi boleh membantu anda memahami keputusan ujian anda dan membuat keputusan tentang tindakan yang perlu dilakukan sekiranya keputusan glukosa darah kelihatan luar biasa.

- Jika anda mengalami mana-mana simptom berikut atau simptom lain yang luar biasa, uji glukosa darah anda daripada hujung jari atau tapak tangan.
- Jika keputusan glukosa darah dipaparkan sebagai LO atau HI hubungi pakar kesihatan anda serta-merta.

Glukosa darah rendah (hipoglisemia): Simptom hipoglisemia termasuk, tetapi tidak terhad kepada, resah, menggeletar, berpeluh, sakit kepala, meningkat rasa lapar, pening, warna kulit pucat, perubahan mood secara tiba-tiba atau cepat marah, lesu, sukar untuk menumpukan perhatian, kekok, berdebar-debar dan/atau keliru.

Glukosa darah tinggi (hiperglisemia): Simptom hiperglisemia termasuk, tetapi tidak terhad kepada, meningkat rasa dahaga, kerap buang air kecil, pandangan kabur, mengantuk dan/atau kehilangan berat badan yang tidak dapat diterangkan.

Kesan dan Prevalens Penyakit

Untuk maklumat tentang kesan dan kelaziman diabetes di kawasan anda, layari laman web Persekutuan Diabetes Antarabangsa (International Diabetes Federation) di www.idf.org atau hantarkan e-mel kepada info@idf.org. Untuk nasihat lanjut atau maklumat talian bantuan, rujuk pertubuhan diabetes nasional di negara anda.

_07947569061A.indd 14 8/10/2021 12:42:02 PM

3 Ujian Kawalan

Waktu untuk Menjalankan Ujian Kawalan

Menjalankan ujian kawalan membolehkan anda tahu meter dan jalur ujian berfungsi dengan betul. Anda perlu melakukan ujian kawalan apabila:

- anda membuka kotak jalur ujian baharu.
- anda membiarkan bekas jalur ujian terbuka.
- anda berpendapat jalur ujian rosak.
- anda mahu memeriksa meter dan jalur ujian.
- jalur ujian disimpan dalam suhu atau kelembapan udara yang melampau atau kedua-duanya.
- anda menjatuhkan meter.
- keputusan ujian anda tidak sepadan dengan bagaimana anda rasa.
- anda mahu memeriksa sama ada anda menjalankan pengukuran dengan betul.

Perihal Larutan Kawalan

- Gunakan larutan kawalan Accu-Chek Instant sahaja.
- Tutup rapat botol dengan larutan kawalan selepas digunakan.
- Tulis tarikh anda membuka botol dengan larutan kawalan pada label botol. Larutan kawalan hendaklah dibuang 3 bulan dari tarikh botol dengan larutan kawalan dibuka (tarikh buang) atau pada tarikh tamat tempoh simpanan pada label botol, yang mana satu terjadi dahulu.
- Jangan gunakan larutan kawalan yang melepasi tarikh tamat tempoh simpanan atau tarikh buang.
- Rujuk sisip bungkusan larutan kawalan untuk syarat penyimpanan larutan kawalan.
- Meter mengenali secara automatik perbezaan antara larutan kawalan dan darah.
- Larutan kawalan boleh meninggalkan kesan pada kain. Bersihkan kesan dengan mencuci dengan sabun dan air.

Menjalankan Ujian Kawalan

Anda memerlukan meter, jalur ujian dan larutan kawalan tahap 1 (Control 1) atau tahap 2 (Control 2).

1

Periksa tarikh tamat tempoh simpanan pada bekas jalur ujian. Jangan gunakan jalur ujian yang melepasi tarikh tamat tempoh simpanan.

2

Keluarkan satu jalur ujian dari bekas jalur ujian.

Tutup tudung dengan ketat.

3



Masukkan hujung besi jalur ujian ke dalam meter. Meter akan hidup.

Simbol titisan yang berkelip muncul.

_07947569061A.indd 15 8/10/2021 12:42:02 PM

4

Pilih larutan kawalan untuk diuji. Anda akan memasukkan tahap dalam ujian ini kemudian.

5

Tanggalkan tudung botol. Lap muncung botol dengan tisu. Picit botol sehingga terbentuk titisan kecil pada hujung.

6



Sentuhkan titisan pada **hujung kuning** jalur ujian. Jangan letakkan larutan kawalan pada bahagian atas jalur ujian.

Alihkan botol kawalan dari jalur ujian apabila simbol jam pasir yang berkelip muncul.

7

atau

Keputusan kawalan muncul. Tekan butang meter.

NOTA

Apabila melakukan **ujian kawalan**: Jika simbol botol kawalan dan L1 atau L2 yang berkelip TIDAK muncul pada paparan keputusan kawalan anda, ralat telah berlaku.

- Jangan bertindak atas keputusan kawalan tersebut.
- Buang jalur ujian dan ulang ujian kawalan dengan jalur ujian baharu.

8

Jika anda menguji dengan larutan kawalan tahap 1, L-1 muncul pada paparan. Tekan dan tahan butang meter untuk mengesahkan bahawa anda menguji dengan larutan kawalan tahap 1.

atau

Jika anda menguji dengan larutan kawalan tahap 2, L-2 muncul pada paparan. Tekan dan tahan butang meter untuk mengesahkan bahawa anda menguji dengan larutan kawalan tahap 2.

Tekan butang meter untuk bertukar-tukar antara L-1 dengan L-2.

_07947569061A.indd 16 8/10/2021 12:42:05 PM

3 Ujian Kawalan

9



OK muncul jika keputusan kawalan adalah dalam julat.

Err muncul jika keputusan kawalan adalah di luar julat.

10

Lap muncung botol dengan tisu. Tutup rapat botol tersebut.

Alih keluar dan buang jalur ujian yang telah digunakan.

NOTA

Meter dimatikan 90 saat selepas ujian berjaya atau 15 saat selepas jalur ujian dikeluarkan, jika tiada tindakan lain dijalankan.

Mentafsir Keputusan Kawalan di Luar Julat

⚠ AMARAN

Risiko berlakunya keadaan kesihatan yang serius
Keputusan ujian yang tidak tepat boleh menyebabkan cadangan terapi yang tidak betul.

Julat kawalan tercetak pada label bekas jalur ujian. Jika keputusan ujian kawalan tidak berada dalam julat kawalan yang boleh diterima, pastikan meter dan jalur ujian berfungsi dengan betul. Semak senarai yang berikut bagi membantu menyelesaikan masalah tersebut.

Semakan Pencarisilapan	Tindakan
Adakah jalur ujian atau larutan kawalan telah tamat tempoh?	Buangkan jalur ujian atau larutan kawalan jika satu daripadanya telah melepasi tarikh tamat tempoh simpanan. Jika larutan kawalan dibuka lebih daripada 3 bulan yang lalu, buangkannya. Ulangi ujian kawalan dengan jalur ujian yang belum tamat tempoh dan larutan kawalan yang belum tamat tempoh.
Adakah anda lap hujung botol dengan larutan kawalan sebelum guna?	Lap muncung botol dengan tisu. Ulangi ujian kawalan dengan jalur ujian baharu dan titisan larutan kawalan baharu.

_07947569061A.indd 17 8/10/2021 12:42:06 PM

3 Ujian Kawalan

Semakan Pencarisilapan	Tindakan
Adakah penutup pada bekas jalur ujian dan botol dengan larutan kawalan sentiasa ditutup rapat?	Gantikan jalur ujian atau larutan kawalan jika anda berpendapat bahawa sama ada satu daripadanya tidak ditutup untuk suatu tempoh. Ulangi ujian kawalan.
Adakah jalur ujian digunakan serta-merta selepas ia dikeluarkan dari bekas jalur ujian?	Ulangi ujian kawalan dengan jalur ujian baharu dan titisan larutan kawalan baharu.
Adakah jalur ujian dan larutan kawalan disimpan di tempat yang sejuk dan kering?	Ulangi ujian kawalan dengan jalur ujian atau larutan kawalan yang disimpan dengan betul.
Adakah anda mengikuti arahan?	Baca bab Ujian Kawalan dan ulang ujian kawalan.
Adakah anda memilih tahap larutan kawalan yang betul, sama ada 1 atau 2 semasa anda melakukan ujian kawalan?	Jika anda memilih tahap larutan kawalan yang salah, anda masih boleh membandingkan keputusan kawalan dengan julat yang dicetak pada bekas jalur ujian.
Adakah anda masih kurang pasti apakah masalahnya?	Hubungi Roche.

_07947569061A.indd 18 8/10/2021 12:42:06 PM

4 Semak Semula Data Anda

Gambaran Keseluruhan

- Meter ini menyimpan sekurang-kurangnya 720 keputusan glukosa darah dalam memori secara automatik tetapi hanya keputusan glukosa darah terakhir dan purata 7, 30 dan 90 hari anda boleh dilihat pada meter. Untuk melihat keputusan glukosa darah yang disimpan, pindahkan keputusan tersebut kepada aplikasi perisian serasi.
- Jika lebih daripada 720 ujian glukosa darah dijalankan dalam tempoh 90 hari, hanya 720 keputusan glukosa darah yang paling baru akan termasuk dalam nilai purata 90 hari.
- Meter ini menyimpan sekurang-kurangnya 30 keputusan kawalan dalam memori secara automatik tetapi hanya keputusan kawalan semasa boleh dilihat pada meter. Untuk melihat keputusan kawalan yang disimpan, pindahkan keputusan tersebut kepada aplikasi perisian serasi.
- Keputusan kawalan tidak dapat dilihat dalam memori dan tidak termasuk dalam nilai purata 7, 30 atau 90 hari.

⚠ AMARAN

Risiko berlakunya keadaan kesihatan yang serius
Penggunaan keputusan ujian individu dalam memori untuk mengubah rawatan anda boleh menyebabkan keputusan rawatan yang tidak wajar. Jangan ubah terapi anda berdasarkan pada keputusan ujian individu dalam memori. Berbincang dengan pakar kesihatan anda sebelum menukar terapi berdasarkan pada keputusan ujian dalam memori.

Menyemak Keputusan Glukosa Darah Terakhir Anda

1



Dengan meter dimatikan, tekan butang meter untuk menghidupkan meter. Simbol keputusan ujian terakhir ↩ menandakan bahawa anda sedang melihat keputusan glukosa darah terakhir anda.

Menyemak Nilai Purata Keputusan Glukosa Darah Anda

Meter ini menggunakan semua keputusan ujian anda dari 7, 30 atau 90 hari yang lalu untuk mengira satu angka. Angka ini dipanggil nilai purata dan membantu anda memahami keputusan glukosa darah anda sepanjang suatu jangka masa.

_07947569061A.indd 19 8/10/2021 12:42:07 PM

4 Semak Semula Data Anda

1



Dengan meter dimatikan, tekan butang meter untuk menghidupkan meter. Tekan butang meter untuk melihat purata 7, 30 dan 90 hari anda.

NOTA

Jika memori mengandungi keputusan HI atau LO, atau korup, tempoh masa dan **day/ave** akan berkelip untuk mengingatkan anda bahawa keputusan tersebut tidak termasuk dalam nilai purata.

_07947569061A.indd 20 8/10/2021 12:42:11 PM

5 Menyambung kepada PC

Menyambungkan Meter ke PC Menggunakan Kabel USB

Ikuti langkah di bawah untuk mengakses perisian pengurusan diabetes pada PC. Anda boleh menggunakan perisian ini untuk melihat keputusan yang disimpan, menetapkan masa dan tarikh meter dan mengubah julat sasaran glukosa darah.

1

Pasangkan hujung kecil kabel USB pada meter glukosa darah.

2



Pasangkan hujung besar kabel USB pada port USB di PC.

Jika meter mati, ia akan hidup.

3

Mulakan perisian pengurusan diabetes dan mulakan pemindahan data.

4

Meter memindahkan data kepada perisian.

NOTA

Kabel USB tidak mengecas bateri meter. Tanggalkan kabel USB selepas anda telah selesai.

_07947569061A.indd 21 8/10/2021 12:42:12 PM

Penyelenggaraan Meter

Meter menguji sistemnya sendiri secara automatik setiap kali anda menghidupkannya dan memberitahu anda jika terdapat sesuatu yang tidak betul. Lihat bahagian Mesej Ralat bab ini.

Jika anda menjatuhkan meter atau anda berpendapat keputusan ujian tidak tepat, hubungi Roche.

⚠ AMARAN

Risiko kecederaan yang mengancam nyawa
Jauhkan bateri baharu dan terpakai daripada kanak-kanak. Lihat amaran dalam bahagian Pengenalan Panduan Pengguna ini untuk mendapatkan maklumat tambahan.

Menukar Bateri

1



Buka penutup tempat bateri kalis kanak-kanak dengan memasukkan objek yang sempit, contohnya pen ke dalam slot (lihat gambar di atas). Tolak tab ke arah anak panah dan angkat penutup tempat bateri ke atas.

2



Tanggalkan bateri lama. Tekan dan tahan butang meter selama sekurang-kurangnya 2 saat.

3



Masukkan bateri baharu ke bawah tab dengan **bahagian sisi (+) menghala ke atas**. Pasangkan penutup tempat bateri semula di tempatnya dan tutup sehingga berdetak. Segera buang bateri yang lama.

NOTA

- Pastikan anda sentiasa memiliki bateri ganti yang mencukupi.
- Ketahanan hayat bateri bergantung pada faktor seperti suhu dan pengilang bateri.
- Meter menggunakan satu bateri litium 3 volt, jenis sel syiling CR2032. Bateri jenis ini boleh didapati di kebanyakan kedai.
- Data meter tidak akan hilang apabila anda menggantikan bateri.

_07947569061A.indd 22 8/10/2021 12:42:14 PM

Menyemak Paparan Meter

1



Dengan meter dimatikan, tekan butang meter untuk menghidupkan meter. Tekan butang meter dua kali untuk memaparkan nilai purata 30 hari.

2



Tekan dan tahan butang meter sehingga semua segmen paparan muncul. Semak paparan meter bagi segmen yang hilang. Semua segmen harus kelihatan seperti gambar di atas. Jika mana-mana segmen hilang daripada paparan, hubungi Roche kerana mungkin terdapat masalah dengan meter itu.

Membersih dan Menyahjangkit Kuman Meter

Pastikan meter tidak berhabuk. Jika anda perlu membersihkan atau menyahjangkit meter, ikut garis panduan berikut dengan berhati-hati untuk membantu anda mendapatkan prestasi yang terbaik.

⚠ AMARAN

Risiko jangkitan
Jika meter dikendalikan oleh orang kedua yang membantu pengguna meter, meter tersebut mesti dinyahjangkitkan terlebih dahulu sebelum digunakan oleh pengguna kedua berkenaan.

⚠ AMARAN

Risiko berlakunya keadaan kesihatan yang serius

- Jangan membersih atau menyahjangkit meter semasa sedang menjalankan ujian glukosa darah atau ujian kawalan.
- Jangan benarkan cecair memasuki mana-mana bukaan dalam meter.
- Jangan sembur larutan pembersih terus pada meter.
- Jangan celup meter dalam cecair.

Masa untuk membersih atau menyahjangkit meter:

- Bersihkan meter untuk menyingkirkan kotoran atau bahan yang lain yang boleh dilihat.
- Nyahjangkit meter antara selang penggunaan setiap pesakit.

Apa yang perlu dibersihkan atau dinyahjangkit:

- Kawasan di sekeliling slot dan pembukaan
- Paparan meter
- Keseluruhan permukaan meter

_07947569061A.indd 23 8/10/2021 12:42:16 PM

1

Pastikan meter dimatikan.

Lap permukaan meter dengan perlahan-lahan menggunakan kain lembut yang dibasahkan sedikit (perah sebarang cecair lebihan) dengan salah satu daripada larutan pembersih berikut:

Untuk membersihkan meter

Cecair pencuci pinggan lembut dicampur dengan air

Untuk menyahjangkit meter

Isopropil alkohol 70 %

Nota: Semasa menyahjangkit, pastikan permukaan meter kekal basah dengan isopropil alkohol untuk 2 minit. Anda mungkin perlu mengelap lagi permukaan itu dengan kain yang yang dibasahkan dengan isopropil alkolhol.

2

Keringkan meter dengan sempurna dengan menggunakan kain lembut.

Mesej Ralat

⚠ AMARAN

Risiko berlakunya keadaan kesihatan yang serius
Menggunakan mesej ralat untuk mengubah rawatan anda boleh menyebabkan keputusan rawatan yang tidak wajar.

- Jangan sekali-kali membuat keputusan terapi berdasarkan kepada mesej ralat.
- Jika anda ada apa-apa keraguan atau mendapat apa-apa mesej ralat lain, hubungi Roche.

NOTA

Kod ralat dan **Err** akan bersilih ganti pada paparan bagi semua mesej ralat yang berkod (E-1 sehingga E 14).



Meter tidak dapat hidup atau paparan kosong.

- Bateri mati.

Masukkan bateri baharu.

- Paparan rosak. / Meter rosak.

Hubungi Roche.

- Suhu melampau.

Alihkan meter ke lokasi yang suhunya lebih sederhana.

Meter bersambung dengan PC dan pengukuran glukosa darah atau ujian kawalan tidak dapat dilakukan.

SAMA ADA tanggalkan kabel USB dan jalankan pengukuran glukosa darah atau ujian kawalan ATAU alih keluar jalur ujian dan mulakan pemindahan data.

_07947569061A.indd 24 8/10/2021 12:42:16 PM

Bateri hampir kehabisan kuasa.

Tukar bateri sekarang. Jika simbol muncul semula selepas bateri telah digantikan, tanggalkan semula bateri, tekan dan tahan butang meter selama sekurang-kurangnya 2 saat, kemudian masukkan semula bateri.

(Kod ralat dan **Err** akan bersilih ganti pada paparan.)

Jalur ujian mungkin rosak, tidak dimasukkan dengan betul atau telah digunakan sebelumnya.

Alih keluar dan masukkan semula jalur ujian atau gantikan jalur ujian jika rosak atau telah digunakan sebelumnya.

(Kod ralat dan **Err** akan bersilih ganti pada paparan.)

Ralat meter atau jalur ujian telah berlaku.

Mesej ralat ini mungkin muncul jika tudung pada bekas jalur ujian tidak ditutup rapat. Jalur ujian mungkin telah rosak disebabkan pengendalian atau penyimpanan yang tidak betul.

Jangan sekali-kali membuat keputusan terapi berdasarkan kepada mesej ralat.

Ulang ujian glukosa darah. Jika mesej ralat E-3 yang kedua muncul, lakukan ujian kawalan dengan larutan kawalan dan jalur ujian baharu. Lihat bahagian Menjalankan Ujian Kawalan dalam bab Ujian Kawalan. Jika anda masih menerima mesej ralat E-3, gunakan kaedah yang lain untuk menguji glukosa darah anda, misalnya dengan meter dan jalur ujian sokongan. Jika kaedah yang lain menghasilkan keputusan glukosa darah yang teramat tinggi, atau jika kaedah yang lain tiada, **hubungi pakar kesihatan anda serta-merta.**

Dalam kes-kes yang jarang-jarang berlaku, mesej ralat E-3 mungkin menunjukkan bahawa glukosa darah anda terlalu tinggi dan di luar julat pengukuran sistem. **Lihat bahagian Keputusan Glukosa Darah Luar Biasa dalam bab Ujian Glukosa Darah sebab-sebab lain yang boleh menyebabkan mesej ralat.**

_07947569061A.indd 25 8/10/2021 12:42:17 PM

(Kod ralat dan **Err** akan bersilih ganti pada paparan.)

Tidak cukup darah atau larutan kawalan diserap ke dalam jalur ujian untuk pengukuran atau diletakkan selepas ujian bermula.

Buangkan jalur ujian dan ulang pengukuran glukosa darah atau ujian kawalan.

(Kod ralat dan **Err** akan bersilih ganti pada paparan.)

Darah atau larutan kawalan dikenakan kepada jalur ujian sebelum simbol titisan yang berkelip muncul pada paparan.

Buangkan jalur ujian dan ulang pengukuran glukosa darah atau ujian kawalan.

(Kod ralat dan **Err** akan bersilih ganti pada paparan.)

Berlaku ralat elektronik.

Tanggalkan bateri, tekan dan tahan butang meter selama sekurang-kurangnya 2 saat dan masukkan semula bateri. Lakukan pengukuran glukosa darah atau ujian kawalan.

(Kod ralat dan **Err** akan bersilih ganti pada paparan.)

Suhu di atas atau di bawah julat yang sesuai untuk sistem.

Rujuk sisip bungkusan jalur ujian untuk syarat pengendalian sistem. Pindah ke kawasan yang sesuai keadaannya dan ulangi pengukuran glukosa darah dan ujian kawalan tersebut. Jangan memanaskan atau menyejukkan meter secara dibuat-buat.

(Kod ralat dan **Err** akan bersilih ganti pada paparan.)

Bateri mungkin kehabisan kuasa.

Hidupkan semula meter. **Jika anda berada dalam persekitaran yang sejuk, beralih ke lokasi dengan suhu yang lebih sederhana dan uji semula.** Jika mesej tetap muncul selepas beberapa kali mencuba, ganti bateri. Jika mesej muncul semula selepas bateri telah digantikan, tanggalkan semula bateri, tekan dan tahan butang meter glukosa darah selama sekurang-kurangnya 2 saat, kemudian masukkan semula bateri.

_07947569061A.indd 26 8/10/2021 12:42:20 PM

(Kod ralat dan **Err** akan bersilih ganti pada paparan.)

Jam dalaman meter mungkin perlu ditetapkan semula.

Tekan butang meter. Jika masa dan tarikh telah ditetapkan, anda perlu menetapkannya semula. Lihat bahagian Masa dan Tarikh dalam bab Sistem Baharu Anda.

(Kod ralat dan **Err** akan bersilih ganti pada paparan.)

Jalur ujian mungkin rosak.

Ulang pengukuran glukosa darah atau ujian kawalan dengan jalur ujian baharu.

(Kod ralat dan **Err** akan bersilih ganti pada paparan.)

Sampel darah anda mungkin mengandungi tahap askorbat yang tinggi.

Hubungi pakar kesihatan anda.

(Kod ralat dan **Err** akan bersilih ganti pada paparan.)

Bendalir atau bahan asing mungkin hadir dalam slot jalur ujian.

Alih keluar dan masukkan semula jalur ujian atau ulang pengukuran glukosa darah atau ujian kawalan dengan jalur ujian baharu. Jika ralat berterusan, hubungi Roche.

(Kod ralat dan **Err** akan bersilih ganti pada paparan.)

Berlaku ralat elektronik.

Hubungi Roche.

_07947569061A.indd 27 8/10/2021 12:42:22 PM

Glukosa darah mungkin lebih tinggi daripada julat pengukuran sistem.

Lihat bahagian Keputusan Glukosa Darah Luar Biasa dalam bab Ujian Glukosa Darah.

Glukosa darah mungkin lebih rendah daripada julat pengukuran sistem.

Lihat bahagian Keputusan Glukosa Darah Luar Biasa dalam bab Ujian Glukosa Darah.

_07947569061A.indd 28 8/10/2021 12:42:24 PM

7 Maklumat Teknikal

Had produk

Lihat panduan yang dibungkus bersama jalur ujian dan larutan kawalan untuk maklumat terkini tentang spesifikasi dan had produk.

Spesifikasi	
Kuantiti darah Jenis sampel Masa pengukuran Julat pengukuran Syarat penyimpanan jalur ujian Keadaan pengendalian sistem	Rujuk sisip bungkusan jalur ujian.
Syarat penyimpanan meter	Suhu: -25–70 °C
Kapasiti memori	1 keputusan glukosa darah dan purata nilai pengukuran 7, 30 dan 90 hari (sekurang-kurangnya 720 keputusan glukosa darah dan sekurang-kurangnya 30 keputusan kawalan juga disimpan dan boleh dilihat dengan menggunakan perisian luaran).
Padam secara automatik	90 saat selepas menjalankan pengukuran, 15 saat selepas jalur ujian dikeluarkan atau 5 saat daripada skrin keputusan ujian terakhir.
Bekalan kuasa	Satu bateri litium 3 volt (jenis sel syiling CR2032)
Paparan	LCD
Dimensi	77.1 × 48.6 × 15.3 mm (PLT)
Berat	Anggaran 40 g (dengan bateri)
Pembinaan	Pegang dengan tangan
Kelas perlindungan	III
Jenis meter	Meter Accu-Chek Instant S sesuai untuk pengendalian berterusan.
Syarat penyimpanan larutan kawalan	Rujuk sisip bungkusan larutan kawalan.

_07947569061A.indd 29 8/10/2021 12:42:24 PM

7 Maklumat Teknikal

Spesifikasi	
Continua CERTIFIED Antara muka	USB: penyambung mikro-B; Continua Certified® kepada pengurus Continua Certified.

Keserasian Elektromagnet – Meter ini memenuhi keperluan emisi elektromagnet mengikut EN 61326-2-6. Oleh itu, emisi elektromagnetnya adalah rendah. Gangguan pada peralatan dipacu secara elektrik adalah tidak dijangka.

Analisis Prestasi – Rujuk sisip bungkusan jalur ujian.

Prinsip Ujian – Rujuk sisip bungkusan jalur ujian.

Protokol Komunikasi – Meter glukosa darah Accu-Chek Instant S adalah Continua Certified. Continua Certified menandakan bahawa produk ini mematuhi piawaian IEEE 11073-10417 yang berkenaan dan bahawa ia telah diuji dan berdaftar dengan Garis Panduan Rekaan Continua 2015.

Maklumat Keselamatan Produk

NOTA

- Medan elektromagnet yang kuat boleh mengganggu pengendalian wajar meter. Jangan gunakan meter dekat dengan sumber radiasi elektromagnet kuat.
- Untuk mengelakkan nyahcas elektrostatik, jangan gunakan meter dalam persekitaran terlalu kering, terutamanya yang terdapat bahan sintetik.

Melupuskan Meter

⚠ AMARAN

Risiko jangkitan
Semasa pengujian glukosa darah, meter boleh terkena darah. Oleh itu, meter yang sudah digunakan membawa risiko jangkitan.

Sebelum melupuskan meter, tanggalkan bateri.

Lupuskan meter yang sudah digunakan mengikut peraturan yang diguna pakai dalam negara anda. Hubungi pihak majlis berkuasa tempatan untuk maklumat tentang pelupusan yang betul.

Meter tidak termasuk dalam skop Arahan Eropah 2012/19/EU (Arahan tentang sisa peralatan elektrik dan elektronik (WEEE)).

Lupuskan bateri yang sudah digunakan mengikut peraturan alam sekitar tempatan.

Produk ini terdiri daripada komponen dalaman yang mengandungi sejenis Bahan Berisiko Tinggi (Substance of Very High Concern, SVHC), Hexabromocyclododecane (CAS 25637-99-4), dalam kepekatan melebihi 0.1 % mengikut berat, seperti yang dikenal pasti di bawah REACH dan dimasukkan ke dalam Senarai Calon.

Tiada pendedahan langsung kepada bahan dan oleh yang demikian tiada risiko apabila alat ini dikendalikan mengikut arahan penggunaan.

_07947569061A.indd 30 8/10/2021 12:42:24 PM

7 Maklumat Teknikal

Penerangan tentang Simbol

Simbol-simbol ini mungkin tertera pada bungkusan, pada plat jenis dan dalam arahan untuk meter Accu-Chek Instant S.

	Rujuk arahan penggunaan atau rujuk arahan penggunaan elektronik.
	Amaran, rujuk nota berkaitan keselamatan dalam arahan penggunaan produk ini.
	Had suhu
	Boleh digunakan hingga
	Jauhkan bateri baharu dan terpakai daripada kanak-kanak.
	Jenis sel syiling CR2032 3 volt
	Biohazard – Meter yang digunakan mungkin menimbulkan risiko kejangkitan.
	Tarikh mengilang
IVD	Peranti perubatan diagnostik in vitro
GTIN	Nombor butiran perdagangan global
	Peranti untuk pengujian sendiri
	Peranti untuk pengujian pesakit yang dilakukan oleh pakar kesihatan
	Pengeluar
UDI	Pengecam peranti unik
REF	Kod katalog
SN	Nombor siri

_07947569061A.indd 31 8/10/2021 12:42:27 PM

7 Maklumat Teknikal

LOT	Kod kumpulan
CE	Mematuhi peruntukan Perundangan Kesatuan Eropah (EU) yang berkenaan

Bekalan Tambahan

Jalur Ujian: Jalur ujian Accu-Chek Instant

Larutan Kawalan: Larutan kawalan Accu-Chek Instant

Maklumat untuk Pakar Kesihatan

Sistem tersebut boleh digunakan dalam persekitaran penjagaan kesihatan yang profesional seperti di pejabat doktor, wad umum, untuk kes diabetes yang disyaki dan semasa kecemasan.

⚠ AMARAN

Risiko jangkitan
Sebarang objek yang terkena darah manusia berpotensi menjadi sumber jangkitan. Pakar kesihatan hendaklah mengikuti prosedur kawalan jangkitan yang sesuai untuk sarana anda. Rujuk sisip bungkusan jalur ujian untuk maklumat tambahan pakar kesihatan.

Pengendalian Sampel

Sentiasa pakai sarung tangan semasa mengendalikan barangan yang tercemar dengan darah. Sentiasa mematuhi prosedur yang diiktiraf untuk mengendalikan objek yang berpotensi tercemar dengan bahan manusia. Ikut dasar kebersihan dan keselamatan makmal atau institusi anda. Sediakan tapak pengumpulan darah terpilih mengikut dasar sarana.

Rujuk sisip bungkusan jalur ujian untuk maklumat tambahan berkaitan dengan jenis sampel, antikoagulan dan arahan pengendalian yang diterima.

Mengesyorkan Ujian Dari Tempat Cucukan yang Lain kepada Pesakit

Keputusan mengenai sama ada untuk mengesyorkan ujian dari tempat cucukan yang lain (AST) hendaklah mengambil kira dorongan dan tahap pengetahuan pesakit dan keupayaan beliau untuk memahami pertimbangan berkaitan dengan diabetes dan AST. Jika anda mempertimbangkan untuk mengesyorkan AST kepada pesakit, anda perlu memahami bahawa wujud potensi perbezaan yang ketara antara keputusan ujian hujung jari atau tapak tangan dengan keputusan ujian yang diperoleh daripada lengan bawah atau lengan atas. Perbezaan kepekatan batas kapilari dan perfusi darah di seluruh badan boleh membawa kepada perbezaan tapak ke tapak sampel dalam keputusan glukosa darah. Kesan fisiologi ini berbeza antara individu dan boleh berbeza dalam seorang individu bergantung kepada kelakuan beliau dan keadaan fizikal relatif.

_07947569061A.indd 32 8/10/2021 12:42:27 PM

7 Maklumat Teknikal

Kajian kami melibatkan ujian dari tempat cucukan yang lain bagi orang dewasa dengan diabetes menunjukkan bahawa kebanyakan orang akan mendapati paras glukosa mereka berubah lebih cepat dalam darah daripada hujung jari atau tapak tangan berbanding dalam darah daripada lengan bawah atau lengan atas. Ini penting terutamanya apabila paras glukosa dalam darah menurun atau meningkat dengan cepat. Jika pesakit anda biasa membuat keputusan terapi berdasarkan pada keputusan ujian hujung jari atau tapak tangan, beliau perlu mengambil kira kelambatan, atau masa lengah, mempengaruhi keputusan ujian yang diperoleh dengan darah daripada lengan bawah atau lengan atas.

_07947569061A.indd 33 8/10/2021 12:42:27 PM

8 Jaminan

Jaminan

Peruntukan berkanun tentang hak jualan barangan pengguna di negara pembelian hendaklah diguna pakai.

_07947569061A.indd 34 8/10/2021 12:42:27 PM

Indeks

B
bateri, menukar 22
bekalan 6, 32
butang, fungsi 5

G
glukosa darah rendah 14
glukosa darah tinggi 14

H
had produk 29
hiperglisemia 14
hipoglisemia 14

J
jalur ujian 9
jaminan 34
jenis bateri 22, 29
julat sasaran glukosa darah 11

K
keputusan glukosa darah, luar biasa 13
keputusan kawalan, luar julat 17
keputusan ujian terakhir 8

L
larutan kawalan 15

M
maklumat keselamatan produk 30
maklumat teknikal 29
masa dan tarikh 7
mesej ralat 24
meter glukosa darah, membersih dan menyahjangkit 23

N
nilai purata 8, 19

P
pakar kesihatan 32
pemindahan data, USB 21
penanda julat sasaran 5, 11
penyelenggaraan, meter 22

S
simbol
    IVD 31
    paparan meter glukosa darah 8
spesifikasi produk 29

T
tarikh tamat tempoh simpanan 10, 15

U
ujian dari tempat cucukan yang lain 12, 32
ujian glukosa darah, menjalankan 10
ujian kawalan, menjalankan 15

_07947569061A.indd 35 8/10/2021 12:42:27 PM

SEMAKAN TERAKHIR: 2021-06

Malaysia
Customer Support and Service Centre:
Toll-Free Line: 1-800-88-1313
www.accu-chek.com.my

Roche Diabetes Care GmbH
Sandhofer Strasse 116
68305 Mannheim, Germany
www.accu-chek.com

IVD CE 0123

ACCU-CHEK dan ACCU-CHEK INSTANT ialah tanda dagang Roche.

CONTINUA, logo CONTINUA dan CONTINUA CERTIFIED ialah tanda dagangan, tanda perkhidmatan atau tanda pensijilan Continua Health Alliance. CONTINUA ialah tanda dagangan berdaftar untuk pengedaran produk ini di beberapa buah negara tetapi bukan semua.

Semua nama dan tanda dagangan produk yang lain ialah kepunyaan pemilik masing-masing.

© 2021 Roche Diabetes Care

07947569061A-0721